



Ruj. Kami : JPT(A)1000/001/019/01JLD.24(33)

Tarikh : 30 Jun 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/ Datuk / Dato'/ Prof./ Ts.,

ARAHAN TERKINI KEPADA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SEPANJANG TEMPOH FASA 1 PELAN PEMULIHAN NEGARA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang YBhg. Tan Sri/ Datuk / Dato'/ Prof./ Ts. sedia maklum, YB Menteri Kanan Pertahanan melalui kenyataan media pada 27 Jun 2021 telah mengumumkan bahawa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyeluruh dalam Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN) adalah dikekalkan sehingga tiga (3) indikator nilai ambang utama dicapai.

3. Selaras dengan pengumuman tersebut, Kementerian ini memaklumkan kepada semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) bahawa arahan terdahulu dalam Prosedur Operasi Standard (SOP) AM PKP dan SOP PKP Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang dikeluarkan melalui surat JPT(A)1000/001/019/01JLD.24(25) bertarikh 8 Jun 2021 adalah **kekal dan masih diguna pakai** dari 29 Jun 2021 hingga Fasa 1 PPN berakhir.

4. Sehubungan dengan itu, kaedah pengeluaran surat pergerakan hadir ke pejabat bagi kakitangan dan pelajar IPT juga masih sama sebagaimana yang dijelaskan dalam surat pada 8 Jun 2021 tersebut. Namun demikian, pihak IPT perlu menggunakan templat **Surat Pelepasan Pelajar yang terkini** seperti di Lampiran 1. Borang Kehadiran dan Surat Pelepasan yang lengkap hendaklah dikemukakan bersama-sama surat ini ketika pegawai atau pelajar melalui Sekatan Jalan Raya.

5. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk / Dato'/ Prof./ Ts. berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK SERI DR. MAZLAN YUSOFF)



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

No. 2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. Putrajaya

Tel: 03-88706000 Fax: 03-88706801

BORANG KEBENARAN BERTUGAS INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT)**NAMA INSTITUSI :****NAMA PETUGAS:****NO. KAD
PENGENALAN:****ID
PEKERJA:****JAWATAN/
JABATAN:****ALAMAT PETUGAS:****POSKOD:****ALAMAT IPT:****POSKOD:**

**SEBAB-SEBAB
HADIR BERTUGAS:**
(Sila klik (√) tugas
berkaitan)

- Pengurusan Kewangan
- Penyelenggaraan dan Keselamatan
- Pengurusan Teknikal dan ICT
- Pengurusan Kebajikan Pelajar

- Penyelenggaraan Sistem
- Persediaan Teknikal Mesyuarat
- Pengurusan Peperiksaan Antarabangsa/ Profesional
- Lain-lain: _____

TARIKH BERTUGAS:**PENGESAHAN INSTITUSI:**

Adalah dengan ini disahkan bahawa petugas seperti maklumat di atas adalah perlu hadir ke pejabat/ institusi bagi melaksanakan tugas-tugas sepertimana diarahkan:

TANDA TANGAN PETUGAS:

**TANDA TANGAN TIMBALAN NAIB
CANSELOR/ DEKAN/ KETUA JABATAN/
PENGARAH DAN COP PENGESAHAN:**

.....
()

.....
()

Rujukan Kami :

Tarikh :

KEPADA PIHAK YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

**SURAT KEBENARAN HADIR KE INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) SEPANJANG
TEMPOH FASA 1 PELAN PEMULIHAN NEGARA**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Melalui pelaksanaan pelanjutan **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** yang berkuat kuasa sepanjang **Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN)**, maka dengan ini pihak institusi pendidikan tinggi mengeluarkan **Surat Kebenaran ke IPT** kepada penama berikut bagi tujuan pemeriksaan penguatkuasa PKP.

3. Maklumat penama adalah seperti berikut:

Nama Pelajar :
No. Kad Pengenalan :
No. Kad Pelajar :
Tujuan :
Jenis kenderaan/ No. Pendaftaran kenderaan:
Alamat Pelajar :
Alamat IPT :
Tarikh pergerakan :

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, tuan/puan boleh menghubungi pihak institusi pendidikan tinggi seperti di bawah:

Nama Institusi Pendidikan Tinggi :
Nama Pegawai :
No. Telefon Bimbit :

Kerjasama dan keprihatinan daripada pihak tuan/puan amat kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

Terima kasih.

.....
(NAMA PEGAWAI IPT YANG BOLEH DIHUBUNGI)